

Purata harga rumah kini lebih RM500,000 seunit

Isu kemampuan pemilikan kediaman terus menjadi tumpuan utama rakyat apabila purata harga rumah di negara ini kini melepasi paras setengah juta ringgit.

Berdasarkan Laporan Pasaran Harta Suku Tahun Pertama 2026 yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 1.7 peratus.

Pertumbuhan positif berke-

naan meletakkan IHRM pada paras 235.2 mata, yang menterjemahkan harga purata sebuah rumah kini berada pada nilai RM507,533 seunit pada suku pertama 2026, berbanding RM498,955 suku sama tahun lalu.

Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta JPPH, Abdul Razak Yusak, berkata bagi mengimbangi cabaran harga pasaran berkenaan, kerajaan secara konsisten menyediakan suntikan berterusan melalui Belanjawan

2026 bagi pembangunan harta tanah negara.

“Langkah strategik berkenaan merangkumi peningkatan peruntukan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) sehingga RM20 bilion yang dijangka memberi manfaat kepada 80,000 pembeli rumah.

“Selain itu, pembeli rumah pertama juga menerima manfaat pengecualian duti setem penuh ke atas instrumen pemindahan dan perjanjian pinjaman.

“Pengecualian berkenaan adalah terpakai bagi pembelian kediaman berharga sehingga RM500,000 dan inisiatif ini dilanjutkan sehingga akhir tahun 2027,” katanya.

Menurut JPPH, majoriti negeri di seluruh negara merekodkan pertumbuhan harga rumah antara 0.3 peratus hingga 7.2 peratus.

Bagaimanapun, Sabah dan Negeri Sembilan mencatatkan penguncupan masing-masing sebanyak 2.3 peratus dan 0.2 peratus,

manakala Perak pula dilaporkan kekal stabil tanpa sebarang perubahan ketara sepanjang tempoh berkenaan.

Dari segi jenis kediaman, rumah teres dan rumah berkembar terus mendahului pertumbuhan dengan masing-masing mencatat peningkatan 2.2 peratus.

Unit bertingkat tinggi turut mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.3 peratus, sebaliknya, rumah sesebuah merekodkan penurunan kecil sebanyak 0.7 peratus.